

SOALAN NO: 10

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN ER TECK HWA [BAKRI]

TARIKH : 19 MAC 2014

SOALAN :

TUAN ER TECK HWA [BAKRI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik lengkap jumlah penolong pendaftar pemilih bagi tahun 2013 dan statistik terkini 2014 mengikut daerah serta jumlah perbelanjaan, jumlah petugas dan logistik mengikut kawasan Parlimen semasa Pilihan Raya Umum 13 dan Pilihan Raya-Pilihan Raya Kecil dari tahun 2008 sehingga kini.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga Disember 2013, terdapat 4,261 Penolong Pendaftar Pemilih (PPP) yang masih sah pelantikannya. Pada bulan Januari 2014, jumlah PPP yang masih sah pelantikannya telah berkurangan kepada 2,219 orang.

Berhubung statistik terkini bagi tahun 2014, ia tidak dapat dimaklumkan kerana pendaftaran bagi suku tahun pertama iaitu 1 Januari 2014 sehingga 31 Mac 2014 masih lagi dibuat dan dijangka diwartakan pada Mei 2014. Berdasarkan Daftar Pemilih Tambahan Suku Tahun Keempat Tahun 2013 (DPT ST4/2013), jumlah pemilih bagi seluruh negara adalah seramai 13,411,747 orang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejumlah 20 Pilihan Raya Kecil (PRK) telah diadakan sejak tahun 2008. Dalam melaksanakan PRK, ia melibatkan perbelanjaan kewangan bagi menampung setiap kos perbelanjaan dan perkhidmatan yang digunakan untuk setiap pilihan raya kecil yang dijalankan. Ini kerana peruntukan perbelanjaan tersebut disediakan dengan mengambil kira keperluan-keperluan seperti kos latihan kepada petugas-petugas pilihan raya, bayaran lebih masa kepada para petugas, bayaran sewa, bahan-bahan makanan, bekalan bahan mentah, bekalan pejabat, pengangkutan, bayaran honorarium serta perkhidmatan ikhtisas dan perkhidmatan lain. Jumlah perbelanjaan bagi setiap PRK adalah tidak sama dan ia adalah berbeza bergantung

pada jumlah pengundi, petugas SPR, pusat mengundi, saluran mengundi dan keluasan bahagian pilihan raya PRK tersebut.

Semua perbelanjaan yang dibuat dalam PRK adalah mematuhi segala peraturan dan tatacara kewangan yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan.

Sekian. Terima kasih.